

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan senaraikan semua pembekal benih padi yang diiktiraf oleh Kementerian serta jumlah benih padi yang diperuntukkan bagi setiap satu pembekal bagi 5 tahun terakhir, mohon juga jumlah benih padi yang berjaya dihasilkan oleh setiap pembekal bagi 5 tahun terakhir.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program Insentif Benih Padi Sah (IBPS) bertujuan membantu pesawah mengurangkan kos pengeluaran padi serta menggalakkan mereka menggunakan benih padi sah yang berkualiti, bermutu tinggi, rintang penyakit dan mengurangkan risiko padi angin. Sebanyak sembilan (9) buah syarikat pembekal benih padi sah bagi program ini telah dilantik oleh Kementerian menerusi perolehan secara tender terbuka bagi tempoh 2017-2019. Tempoh tersebut telah dilanjutkan selama satu tahun dan akan berakhir pada 31 Disember 2020.

2. Kesemua syarikat pengeluar tersebut merupakan syarikat yang memenuhi kapasiti infrastruktur bagi menentukan kemampuan sesebuah syarikat dari segi:

- i. Kapasiti pemprosesan di kilang benih padi (tan/tahun);
- ii. Kapasiti penyimpanan benih padi;
- iii. Keluasan ladang yang mencukupi;
- iv. Bilangan penyelia ladang yang mencukupi; dan
- v. Bilangan pekerja di kilang yang mencukupi.

3. Berdasarkan kepada kawasan bertanam padi di Semenanjung Malaysia seluas 520,000 hektar, anggaran jumlah benih padi yang diperlukan bagi dua (2) musim penanaman setahun ialah sebanyak 72,000 tan metrik. Ianya adalah berdasarkan kepada anggaran keperluan benih padi sebanyak 140 kilogram per hektar. Bagi tujuan agihan kuota tahunan benih padi sah bagi setiap syarikat pengeluar, ianya akan ditentukan oleh Kementerian berdasarkan kepada prestasi pengeluaran benih padi sah oleh setiap syarikat pengeluar.

4. Bagi tujuan penambahbaikan terhadap struktur program IBPS sedia ada, Kementerian akan melaksanakan beberapa inisiatif bagi menangani isu seumpama ini bermula tahun 2021, yang antaranya seperti berikut:

SOALAN NO : 82

- i. Melantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sebagai pemborong tunggal program IBPS dan pembekalan dilaksanakan terus kepada pesawah;
- ii. Penetapan harga siling benih padi sah tanpa melibatkan tambahan peruntukan insentif kepada Kerajaan. Ini bagi mengelakkan manipulasi benih padi sah dan harga di lapangan menerusi pembelian tanpa kawalan oleh pelbagai pihak di pintu kilang;
- iii. Lesen dan permit akan diberikan kepada agen, individu atau syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan untuk mengedarkan benih padi sah;
- iv. Penetapan beberapa varieti benih padi sah yang akan dihasilkan oleh syarikat pengeluar benih padi sah untuk dipilih oleh pesawah; dan
- v. Menyediakan stok penimbal benih padi sah bagi menangani isu-isu ketidakcukupan benih padi sah.

5. Justeru itu, mekanisme penstrukturan semula keseluruhan rantai nilai yang dilakukan oleh Kementerian ini adalah untuk menjamin mutu perkhidmatan di samping memberikan hak kepada pesawah untuk memilih benih padi yang terbaik bagi kegunaan sawah padi mereka.

6. Pada masa yang sama, langkah-langkah penyelesaian ini dapat mengelakkan manipulasi benih padi sah dan harga di lapangan menerusi pembelian tanpa kawalan oleh pelbagai pihak di pintu kilang. Ianya penting bagi mengelak dominasi syarikat pembekal tertentu terhadap pasaran benih padi sah secara khususnya, dan sektor padi dan beras secara umumnya.

Sekian, terima kasih.